

Khidmat Eusoff Chin dilanjut

BH 17 JUN 2000

CYBERJAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa tempoh perkhidmatan Tun Eusoff Chin sebagai Ketua Hakim Negara akan dilanjutkan.

“Saya rasa tempoh perkhidmatan beliau akan dilanjutkan kerana kita perlu memastikan segala-galanya dalam keadaan bersedia sebelum sesuatu pertukaran,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola di sini.

Ditanya berapa lama tempoh itu akan dilanjutkan, Dr Mahathir berkata: “Saya tidak tahu.”

Eusoff akan mencapai umur persaraan wajib 65 tahun pada 20 Jun ini dan tempoh perkhidmatan hakim, termasuk Ketua Hakim Negara lazimnya boleh dilanjutkan untuk tempoh enam bulan daripada tarikh persaraan wajib selepas diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun, seseorang itu boleh menerima atau menolak tawaran untuk melanjutkan perkhidmatan. Biasanya, kebanyakan hakim menerima tawaran itu melainkan mereka menghadapi masalah kesihatan atau menyertai swasta.

Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Ketua Hakim Negara hendaklah memegang jawatan hingga mencapai umur 65 tahun.

Semalam, Eusoff yang ditemui pemberita selepas menghadiri persidangan Majlis Hakim-hakim Malaysia di Kuantan, bagaimanapun enggan mengulas sama ada beliau akan menerima tawaran jika kerajaan melanjutkan tempoh perkhidmatannya.

Eusoff, yang dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada 20 Jun 1935, menggantikan Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara pada 24 September 1994. Beliau adalah hakim Mahkamah Agung dari 1992 dan Mahkamah Tinggi dari 1982.

Beliau memulakan kerjaya perundangan sebagai majistret pada 1959 dan berkhidmat di Pulau Pinang, Alor Star dan Ipoh.